**Media : Harian Metro**

**Date : 21 August 2023**

Ajinomoto (Malaysia) Berhad Memperkenalkan

# PENYELESAIAN INOVATIF INDUSTRI MAKANAN



**AJINOMOTO** (Malaysia) Berhad (AMB) telah menyediakan solusi kepada industri makanan sejak beberapa dekad. Penyelesaian ini meningkatkan dan menyumbang kepada nilai makanan yang mengalami perubahan drastik dalam masyarakat serta alam sekitar. Pada hari ini, AMB berbesar hati untuk memperkenalkan produk terbaharu iaitu AJIRISE UM dan AJIRISE K.

AJIRISE™ adalah produk berkaitan ekstrak yis yang memberikan kelazatan dengan meningkatkan rasa dan aroma asal. AJIRISE UM dikenali dengan rasa "UMAMI" dan "KOKUMI" yang kaya dan sesuai digunakan bersama rempah serta krim. Sementara AJIRISE K pula memberikan sensasi "KOKUMI" yang mantap. Kedua-dua produk ini juga berkesan untuk menyembunyikan rasa kekacang yang tidak diingini, rendah kandungan sodium, tidak mengandungi bahan berasaskan haiwan dan mematuhi keperluan makanan berlabel bersih.

Produk industri baharu ini mempunyai potensi besar bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara Asia dan Timur Tengah. Produk ini dapat memenuhi kehendak industri makanan terutamanya melibatkan keselamatan makanan, peningkatan kualiti, kesihatan dan pengurangan kos. Keunikan produk ini terletak pada pemilihan bahan mentah yang dipilih secara teliti dan teknologi pencampuran yang inovatif.

AJIRISE UM dan AJIRISE K digunakan secara meluas dalam pelbagai produk terutamanya produk berasaskan tumbuhan. Ia juga menjadi alternatif daging haiwan dengan menyediakan solusi inovatif dalam meningkatkan tekstur dan kelazatan 'Daging berasaskan Tumbuhan' selain berperanan mempromosikan kelestarian global.

Kedua-dua produk ini sejajar dengan inisiatif Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) untuk menyumbang nilai kepada industri makanan dengan mengadaptasi keperluan perubahan sosial dan alam sekitar.

Bagi tujuan kemudahan, kedua-dua produk ini didatangkan dalam pek 1 kg bagi memenuhi kehendak pengeluaran makanan. Selain itu, produk ini juga telah menerima sijil halal dan memenuhi keperluan diet pelbagai lapisan pengguna.

Dengan pengenalan AJIRISE UM dan AJIRISE K, AMB mengukuhkan kedudukannnya sebagai peneraju dalam menyediakan penyelesaian makanan yang mampan dan melazatkan. Komitmen teguh syarikat untuk menjadi "Syarikat Makanan Halal Sedunia Bersentrik Pelanggan" tetap menjadi menjadi keutamaan dalam menangani Isu Pemakanan dan Kesihatan Masyarakat melalui Kepakaran dan Penyelesaian Inovatif.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Ajinomoto Malaysia di **www.ajinomoto.com.my**.